

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[SEGAMBUT]**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai caj pembangunan dan caj infrastruktur yang dibayar oleh para pemaju di kawasan Parlimen Segambut dari tahun 2015-2020 dan senaraikan projek penambahbaikan infrastruktur yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Segambut dengan kutipan caj pembangunan dan caj infrastruktur tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Segambut, Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, AKTA 267 telah mengenakan bayaran caj pembangunan kepada pemaju projek sekiranya pembangunan tersebut melibatkan kenaikan nilai tanah akibat penambahan kepadatan penduduk dan/atau menukar zon kegunaan tanah.

Selain itu bayaran caj ISF (*Improvement Service Fund*) bagi jalan dan parit juga dikenakan kepada pemaju dimana wang tersebut akan digunakan untuk kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur di wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sehingga kini, anggaran Caj Pembangunan yang telah dikeluarkan kepada pemaju projek di Parlimen Segambut dari tahun 2015-2020 adalah sebanyak RM866,796,700.00 manakala caj ISF sebanyak RM50,654,645.00.

Sekian, terima kasih.